

24 MAY 2002

Mahathir-EAEG

TEKANAN TERHADAP EAEG SUDAH KENDUR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tekanan oleh kuasa-kuasa asing yang mahukan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) turut melibatkan penyertaan negara-negara tertentu "seperti sudah kendur".

"Setakat ini saya tidak dengar apa-apa," kata Perdana Menteri apabila ditanya sama ada tekanan itu masih berterusan.

Bercakap kepada pemberita di Pangkalan TUDM di Subang hari ini sekembalinya daripada lawatan lima hari ke Jepun dan Korea Selatan, beliau berkata Malaysia telah sekian lama menyatakan bahawa tiada salahnya EAEG diwujudkan kerana benua Amerika Utara mempunyai Kawasan Dagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan Eropah mempunyai bloknya sendiri dalam bentuk Kesatuan Eropah.

Dr Mahathir turut ditanya sama ada pentadbiran baru Amerika Syarikat di bawah pimpinan Presiden George W. Bush mempunyai pendirian berbeza daripada pentadbiran Presiden Bill Clinton mengenai EAEG.

"Setakat ini tidak ada bukti mereka menentang," katanya.

Dalam lawatannya ke kedua-dua negara itu, Dr Mahathir menerima sokongan daripada Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan Presiden Korea Selatan Kim Dae-jung untuk penubuhan Sekretariat "Asean + 3" (Asean campur China, Jepun dan Korea Selatan) di Malaysia.

Sekretariat itu adalah langkah awal ke arah pembentukan EAEG.

EAEG merupakan hasil kepada usaha Kuala Lumpur untuk menyediakan satu platform bagi Asia Timur membincangkan isu-isu bersama.

Dr Mahathir berkata beliau mendapati ada minat yang amat kuat terutama dari Korea Selatan bagi penubuhan Asean + 3.

"Presiden Kim Dae-jung memberikan pendapatnya dengan tegas tentang perlunya diadakan EAEG," katanya.

Ditanya sama ada perubahan pendirian Jepun yang sebelum ini dilihat khuatir untuk menyokong EAEG kerana tentangan Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata : "Anda boleh buat andaian sendiri."

Kepada soalan sama ada konsep EAEG kini sudah menjadi kenyataan, Dr Mahathir berkata ianya belum lagi kerana kerjasama tersebut masih dalam bentuk Asean + 3.

Ditanya bilakah Sekretariat Asean + 3 itu akan menjadi kenyataan, beliau berkata ia bergantung kepada persetujuan negara-negara Asean.

"Ada negara-negara lain tidak memberi apa-apa pernyataan sama ada mereka menyokong ataupun tidak. Kita hanya buat tawaran sahaja," katanya.

Beliau berkata jika terdapat negara yang tidak bersetuju dengan penubuhan sekretariat itu di Malaysia, "mungkin macam ada satu pertandingan."

-- BERNAMA

MAD MFJ MAI